

**Najib Rai Perdana Menteri Jepun Di Seri Perdana  
Bernama  
25 July, 2013**

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Khamis malam meraikan Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe pada majlis makan malam di Seri Perdana di sini.

Turut hadir ialah Datin Seri Rosmah Mansor, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Sri Mustapa Mohamed.

Abe tiba di Malaysia Khamis bagi mengadakan lawatan kerja selama dua hari sempena kunjungan beliau ke Asia Tenggara termasuk Singapura dan Filipina.

Najib dalam ucapannya di majlis itu berkata adalah jarang seseorang pemimpin dapat meminjamkan nama mereka pada polisi ekonomi iaitu 'Abenomics' dan sejak beberapa bulan, kebangkitan semula Jepun adalah menjadi nyata.

"Hari ini, ia merupakan salah sebuah cerita kejayaan paling penting Asia, yang menggegarkan seluruh rantau tersebut.

"Tiga puluh tahun dahulu, pembuat polisi Malaysia 'memandang ke Timur' bagi mencari inspirasi dari Jepun sebagai contoh, menghantar para pelajar untuk mempelajari prinsip dan amalan tentang kejayaan perindustrian Jepun dan mengalu-alukan pelaburan Jepun ke Malaysia.

"Hari ini, Malaysia sekali lagi memandang ke Timur, sementara pemodal dan pakar Jepun meletak asas kepada peringkat seterusnya pembangunan Malaysia, syarikat seperti Japan Toray Industries dan Toshiba sudahpun menyumbang kepada transformasi ekonomi Malaysia.

"Sementara ekonomi Jepun bertambah kukuh, saya rasa lebih banyak lagi syarikat Jepun akan mengambil kesempatan dari peluang baharu seperti tenaga, pengangkutan dan perkhidmatan di Malaysia.

"Sementara kita mahu membina kerjasama selama 30 tahun, saya percaya terdapat prospek yang baik bagi kerjasama yang lebih erat berkaitan keutamaan yang dikongsi bersama, keselamatan serantau, pembangunan dan pembaharuan ekonomi," kata Najib.

Perdana Menteri berkata beliau sangat teruja dengan komitmen berterusan Jepun bagi memperluas kerjasama dua hala Malaysia-Jepun dari setiap segi dari teknologi hijau ke latihan dan pendidikan.

"Sementara pusat graviti global beralih ke Asia, kita sebagai bangsa Asia perlu memperkukuh komitmen kita untuk bekerjasama demi manfaat rakyat kita, negara kita dan benua kita," katanya.

Abe dalam ucapannya pula berkata kerajaannya telah meluluskan untuk mengecualikan visa bagi pelancong jangka pendek sebagai sebahagian usaha memperkukuh hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Jepun.

"Malaysia telah meningkat kehadirannya di rantau ini dan di arena global. Sejak ia mencapai kemerdekaan, Malaysia telah membangun hubungan baik dalam bidang ekonomi, pertukaran kebudayaan dan pertukaran antara rakyat dan rakyat dengan Jepun menerusi Polisi Pandang ke Timur yang diperkenalkan Dr Mahathir sekitar 1980-an," katanya.

Abe memuji usaha Najib dalam memperkukuh ekonomi Malaysia menerusi pelbagai inisiatif bagi mencapai Wawasan 2020, oleh itu beliau berkata Malaysia dan Jepun mesti terus bekerjasama dalam mempromosi persefahaman serantau.

"Malaysia juga menjadi destinasi nombor satu pelancong Jepun untuk tujuh tahun berturut-turut," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966212>